

**MAHKAMAH DAERAH AMERIKA SYARIKAT  
DAERAH SELATAN NEW YORK**

ALASKA ELECTRICAL PENSION FUND, dll.,

Plaintif,

v.

BANK OF AMERICA, N.A., dll.,

Defendan.

No. Kes Utama 14-cv-7126 (JMF)

**BUKTI TUNTUTAN DAN BORANG PELEPASAN**

*Alaska Electrical Pension Fund lwn. Bank of America, N.A.*  
No. Kes Utama 14-cv-7126 (JMF) (S.D.N.Y.)

## **BUKTI TUNTUTAN DAN PELEPASAN**

### **I. ARAHAN**

1. Sekiranya anda memasuki, menerima atau membuat bayaran pada, menyelesaikan, menamatkan, melakukan urusan niaga dalam, atau memegang Instrumen ISDAfix semasa Tempoh Penyelesaian Kelas, bermula dari 1 Januari 2006 sehingga 31 Januari 2014, anda mungkin layak untuk menerima bayaran daripada penyelesaian baharu dan tambahan yang dicapai dalam *Alaska Electrical Pension Fund, dll. lwn. Bank of America, dll.*, No. 14-cv-7126 (JMF) (S.D.N.Y.) sebagai ahli Kelas Penyelesaian tersebut.

2. "Instrumen ISDAfix" bermaksud (i) sebarang dan semua derivatif kadar faedah, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang swap, spread swap, niaga hadapan swap, swap varians, swap turun naik, pelbagai swap akruan, swap kematangan malar, opsiyen swap kematangan malar, opsiyen digital, opsiyen swap peruntukan tunai, opsiyen swap peruntukan secara fizikal, niaga hadapan swapnote, niaga hadapan swap peruntukan tunai, pencuram, perata, pengapung songsang, pertambahan, nota struktur kadar faedah terangkai, dan nota pelbagai akruan digital dan boleh panggil di mana disebut dalam USD atau berkaitan dengan kadar faedah USD, dan (ii) sebarang instrumen, produk, atau transaksi kewangan yang berkaitan dengan sebarang Kadar Tanda Aras ISDAfix USD, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang instrumen, produk, atau transaksi yang merujuk Kadar Tanda Aras ISDAfix dan sebarang instrumen, produk, atau transaksi yang berkaitan dengan penentuan atau pengiraan Kadar Tanda Aras ISDAfix.

3. Terma huruf besar tidak ditakrifkan dalam Bukti Tuntutan dan Borang Pelepasan ini ("Borang Tuntutan") mempunyai erti yang sama seperti yang ditakrifkan dalam Perjanjian Penyelesaian, yang boleh didapati di [www.ISDAfixAntitrustSettlement.com](http://www.ISDAfixAntitrustSettlement.com), dan/atau Notis Cadangan Tambahan Penyelesaian Tindakan Kelas ("Notis") yang disertakan dalam Borang Tuntutan ini, dan ia juga boleh didapati di [www.ISDAfixAntitrustSettlement.com](http://www.ISDAfixAntitrustSettlement.com).

4. Penting untuk anda membaca Notis yang disertakan dalam Borang Tuntutan ini. Dengan menandatangani dan menyerahkan Borang Tuntutan ini, anda akan mengesahkan bahawa anda telah membaca Notis ini, termasuk terma pelepasan yang dihuraikan dalam Notis ini dan yang disertakan dalam Perjanjian Penyelesaian.

5. Untuk layak menerima bayaran daripada Penyelesaian, anda perlu menyerahkan secara elektronik Borang Tuntutan berserta dengan data yang diperlukan seperti yang dihuraikan dalam Seksyen III di bawah. **Untuk dianggap tepat pada masanya, Borang Tuntutan anda hendaklah diserahkan secara dalam talian kepada Pentadbir Tuntutan sebelum jam 11:59 malam. Waktu Timur pada 23 Disember 2018.** Sekiranya anda tidak dapat menyerahkan data yang diperlukan secara elektronik seperti yang dihuraikan di bawah pada Seksyen III, anda perlu menghubungi Pentadbir Tuntutan untuk arahan lanjut.

6. Untuk menghantar Borang Tuntutan anda secara elektronik, layari [www.ISDAfixAntitrustSettlement.com](http://www.ISDAfixAntitrustSettlement.com) untuk cara melakukannya.

7. Anda dikehendaki untuk menyerahkan data urusan niaga bagi menunjukkan urusan niaga layak anda dalam Instrumen ISDAfix. Keperluan penyerahan data dihuraikan di bawah dalam Seksyen III.

8. Anda mungkin dikehendaki untuk mengemukakan dokumentasi data urusan niaga dalam Instrumen ISDAfix layak yang anda kemukakan bersama Borang Tuntutan anda secara elektronik, seperti yang dihuraikan di bawah dalam Seksyen III tetapi hanya sekiranya anda dihubungi dan diarahkan untuk melakukannya oleh Pentadbir Tuntutan selepas anda menyerahkan Borang Tuntutan dan data yang dikehendaki.

9. Jumlah bayaran anda akan ditentukan menurut Pelan Pengagihan yang diluluskan oleh Mahkamah berdasarkan semakan Pentadbir Tuntutan bagi data urusan niaga dan dokumentasi yang anda serahkan. Penyerahan Borang Tuntutan tidak menjamin yang anda akan menerima bayaran daripada Penyelesaian. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Notis dan Pelan Pengagihan yang tersedia di [www.ISDAfixAntitrustSettlement.com](http://www.ISDAfixAntitrustSettlement.com).

10. Borang Tuntutan berasingan perlu diserahkan bagi setiap entiti undang-undang yang berasingan. Sebaliknya, Borang Tuntutan tunggal perlu diserahkan bagi pihak sebuah entiti undang-undang.

11. Pemegang amanah, wasi, pentadbir, penjaga, atau calon-calon lain yang melengkapkan dan menandatangani Borang Tuntutan ini bagi pihak penuntut juga perlu mengemukakan perkara berikut:

**Untuk maklumat lanjut, hubungi Pentadbir Tuntutan di talian 1-844-789-6862 (A.S.),  
atau +1-503-597-5526 (Antarabangsa), atau layari [www.ISDAfixAntitrustSettlement.com](http://www.ISDAfixAntitrustSettlement.com)**

**Borang Ini Hendaklah Diserahkan Secara Elektronik  
Selewat-lewatnya Sebelum 23 Disember 2018.**

- a. Keterangan kapasiti di mana mereka bertindak (yang perlu disertakan dengan dokumentasi sokongan);
- b. Nama, nombor akaun, empat digit terakhir bagi nombor Keselamatan Sosial, nombor pengenalan majikan, atau nombor pengenalan pembayar cukai (atau bagi penuntut bukan warganegara A.S., nombor pengenalan kebangsaan yang dikeluarkan oleh kerajaan setanding), alamat, dan nombor telefon individu atau entiti bagi pihak mereka bertindak; dan
- c. Bukti autoriti mereka untuk mengikat individu atau entiti bagi pihak mereka bertindak. Autoriti yang akan melengkapkan dan menandatangani Borang Tuntutan tidak boleh dilakukan oleh broker yang menunjukkan bahawa mereka hanya mempunyai autoriti budi bicara untuk berdagang dalam akaun individu lain.

12. Dengan menandatangani Borang Tuntutan ini, anda akan bersetuju dengan pendedahan, dan mengecualikan mana-mana perlindungan yang disediakan oleh, sebarang kerahsiaan bank yang berkenaan, undang-undang privasi data, atau sebarang perlindungan kerahsiaan serupa berkenaan maklumat berkaitan dagangan anda dalam Instrumen ISDAfix bermula dari 1 Januari 2006 hingga 31 Januari 2014 untuk digunakan dalam proses pentadbiran tuntutan.

13. Sekiranya anda mempunyai soalan berkaitan Borang Tuntutan atau memerlukan salinan tambahan Borang Tuntutan atau Notis, anda boleh menghubungi Pentadbir Tuntutan.

14. Seperti yang dinyatakan secara terperinci di dalam Notis, **anda tidak perlu melakukan apa-apa jika anda telah menyerahkan borang tuntutan tepat pada masanya dan sah berkaitan dengan Penyelesaian yang Diluluskan**. Penyerahan tersebut akan dianggap sebagai Borang Tuntutan yang sah dan tepat pada masanya berkenaan dengan Cadangan Penyelesaian tambahan ini.

Untuk maklumat lanjut, hubungi Pentadbir Tuntutan di talian 1-844-789-6862 (A.S.),  
atau +1-503-597-5526 (Antarabangsa), atau layari [www.ISDAfixAntitrustSettlement.com](http://www.ISDAfixAntitrustSettlement.com)

**II. PENGENALAN PENUNTUT**

Pentadbir Tuntutan akan menggunakan maklumat ini untuk semua komunikasi yang berkaitan dengan Borang Tuntutan ini. Sekiranya maklumat ini berubah, sila hubungi Pentadbir Tuntutan dengan serta-merta di nombor telefon yang disenaraikan di sini. Sekiranya anda seorang pemegang amanah, wasi, pentadbir, penjaga, atau calon lain dan anda melengkapkan dan menandatangani Borang Tuntutan ini bagi pihak penuntut, anda perlu melampirkan dokumentasi yang menunjukkan autoriti anda untuk bertindak bagi pihak penuntut (lihat Seksyen I.11. dalam Borang Tuntutan, di atas).

**Seksyen 1 – Maklumat Penuntut**

Nama Pertama Pemilik Benefisial MI Nama Terakhir Pemilik Benefisial

Nama Pertama Pemilik Benefisial Bersama MI Nama Terakhir Pemilik Benefisial Bersama

Nama Entiti (sekiranya Pemilik Benefisial bukan individu)

Nama Wakil atau Penjaga (sekiranya berbeza daripada Pemilik Benefisial yang disenaraikan di atas)

Alamat 1 (nama dan nombor jalan)

Alamat 2 (pangsapuri, unit, atau nombor peti surat)

Bandar Negeri Kod ZIP/Poskod (jika di luar A.S.)

Wilayah/Rantau (jika di luar A.S.)

Negara

4 Digit Terakhir ID Cukai Penuntut (Bagi kebanyakan penuntut A.S., ini adalah 4 digit terakhir bagi nombor Keselamatan Sosial individu, nombor pengenalan majikan, atau nombor pengenalan pembayar cukai. Bagi penuntut bukan warganegara A.S., masukkan 4 digit terakhir bagi nombor pengenalan yang dikeluarkan oleh kerajaan.)

Nombor Telefon (rumah atau bimbit) Nombor Telefon (kerja)  
 -  -   -  -

Alamat E-mel (Sekiranya anda memberi alamat e-mel, anda memberi kuasa kepada Pentadbir Tuntutan untuk menggunakannya dalam menyediakan maklumat berkaitan tuntutan ini kepada anda.)

**Seksyen 2 – Maklumat Wakil Yang Dibenarkan**

Nama Individu yang Anda Ingin Pentadbir Tuntutan Hubungi Berhubung Tuntutan ini (sekiranya berbeza daripada nama penuntut yang disenaraikan di atas)

Nama Pertama MI Nama Terakhir

Nombor Telefon (rumah atau bimbit) Nombor Telefon (kerja)  
 -  -   -  -

Alamat E-mel (Sekiranya anda memberi alamat e-mel, anda memberi kuasa kepada Pentadbir Tuntutan untuk menggunakannya dalam menyediakan maklumat berkaitan tuntutan ini kepada anda.)

**Untuk maklumat lanjut, hubungi Pentadbir Tuntutan di talian 1-844-789-6862 (A.S.),  
atau +1-503-597-5526 (Antarabangsa), atau layari [www.ISDAfixAntitrustSettlement.com](http://www.ISDAfixAntitrustSettlement.com)**

**Borang Ini Hendaklah Diserahkan Secara Elektronik  
Selewat-lewatnya Sebelum 23 Disember 2018.**

**III. KEPERLUAN BAGI BUKTI URUS NIAGA**

Penuntut hendaklah menyerahkan Borang Tuntutan mereka secara elektronik berserta maklumat yang diperlukan mengenai urus niaga mereka di [www.ISDAfixAntitrustSettlement.com](http://www.ISDAfixAntitrustSettlement.com). Keperluan data bagi penuntut adalah seperti berikut:

**1. KEPERLUAN DATA URUS NIAGA**

Maklumat mengenai urus niaga Instrumen ISDAfix anda hendaklah diserahkan secara elektronik dalam bentuk templat data elektronik, yang tersedia di [www.ISDAfixAntitrustSettlement.com](http://www.ISDAfixAntitrustSettlement.com). Penuntut perlu menyerahkan semua urus niaga mereka dalam Instrumen ISDAfix, termasuklah urus niaga yang telah mereka masuki, terima atau membuat bayaran pada, menyelesaikan, menamatkan, berurus niaga dalam, atau memegang semasa Tempoh Kelas Penyelesaian.

a. “Instrumen ISDAfix” bermaksud (i) sebarang dan semua derivatif kadar faedah, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang swap, spread swap, niaga hadapan swap, swap varians, swap turun naik, pelbagai swap akruan, swap kematangan malar, opsyen swap kematangan malar, opsyen digital, opsyen swap peruntukan tunai, opsyen swap peruntukan secara fizikal, niaga hadapan swapnote, niaga hadapan swap peruntukan tunai, pencuram, perata, pengapung songsang, pertambahan, nota berstruktur kadar faedah terangkai, dan nota pelbagai akruan digital dan boleh panggil di mana disebut dalam USD atau berkaitan dengan kadar faedah USD; dan (ii) sebarang instrumen, produk, atau transaksi kewangan yang berkaitan dengan sebarang Kadar Tanda Aras ISDAfix dan sebarang instrumen, produk, atau transaksi yang berkaitan dengan penentuan atau pengiraan Kadar Tanda Aras ISDAfix.

b. Tempoh Kelas Penyelesaian adalah dari 1 Januari 2006 sehingga 31 Januari 2014.

**2. ANDA TIDAK PERLU MENYERAHKAN SEBARANG DOKUMENTASI TRANSAKSI TAMBAHAN PADA WAKTU INI TETAPI MUNGKIN PERLU BERBUAT DEMIKIAN SEKIRANYA DIHUBUNGI OLEH PENTADBIR TUNTUTAN.**

Sekiranya dihubungi oleh Pentadbir Tuntutan selepas menyerahkan Borang Tuntutan dan data yang diperlukan secara elektronik, penuntut mungkin dikehendaki untuk menyerahkan dokumentasi transaksi yang telah mereka serahkan di bawah keperluan 1 secara elektronik, seperti yang ditetapkan di atas. Dokumentasi tersebut adalah daripada salah satu sumber berikut atau lebih, jadi anda perlu mengekalkan sebarang rekod berkenaan sekiranya anda dikehendaki menyerahkannya kepada Pentadbir Tuntutan pada masa hadapan:

- a. Pengesahan bank mengikut perdagangan individu;
- b. Laporan atau penyata urus niaga bank;
- c. Laporan atau penyata urus niaga tempat perdagangan;
- d. Laporan atau penyata broker utama;
- e. Laporan atau penyata penjaga;
- f. Penyata akaun harian atau bulanan; dan/atau
- g. Dokumen-dokumen lain yang membuktikan urus niaga dalam Instrumen ISDAfix.

**IV. PERAKUAN & TANDATANGAN PENUNTUT**

**SEKSYEN 1: PERAKUAN**

**DENGAN MENANDATANGANI DAN MENYERAHKAN BORANG TUNTUTAN INI, PENUNTUT ATAU WAKIL YANG DIBENARKAN PENUNTUT MEMPERAKUI SEPERTI BERIKUT:**

1. Saya (kami) telah membaca Notis dan Borang Tuntutan, termasuk huraian pelepasan yang disediakan dalam Perjanjian Penyelesaian;
2. Saya (kami) adalah ahli Kelas Penyelesaian dan bukan salah seorang daripada individu atau entiti yang dikecualikan daripada Kelas Penyelesaian;
3. Saya (kami) belum menyerahkan Permintaan untuk Pengecualian;
4. Saya (kami) telah membuat transaksi yang dilampirkan bersama-sama data yang diserahkan bersama Borang Tuntutan ini dan belum menetapkan tuntutan terhadap Pihak Defendan yang Dilepaskan kepada pihak lain;
5. Saya (kami) belum menyerahkan sebarang tuntutan lain dalam Tindakan ini yang meliputi transaksi sama dan tidak mengenali mana-mana individu lain yang telah melakukannya bagi pihak diri sendiri atau orang lain;

**Untuk maklumat lanjut, hubungi Pentadbir Tuntutan di talian 1-844-789-6862 (A.S.),  
atau +1-503-597-5526 (Antarabangsa), atau layari [www.ISDAfixAntitrustSettlement.com](http://www.ISDAfixAntitrustSettlement.com)**

**Borang Ini Hendaklah Diserahkan Secara Elektronik  
Selewat-lewatnya Sebelum 23 Disember 2018.**

6. Saya (kami) mengemukakan kepada bidang kuasa Mahkamah berkenaan tuntutan saya (kami) dan bagi tujuan menguatkuasakan pelepasan yang ditetapkan dalam mana-mana Penghakiman Akhir dan Perintah Pengguguran yang boleh dibuat dalam Tindakan tersebut;

7. Saya (kami) bersetuju untuk memberi maklumat tambahan berkenaan Borang Tuntutan ini seperti yang dikehendaki oleh Pentadbir Tuntutan atau Mahkamah; dan

8. Saya (kami) mengakui bahawa saya (kami) akan terikat dan tertakluk kepada terma-terma sebarang Penghakiman Akhir dan Arahan Pengguguran yang boleh dibuat dalam Tindakan tersebut sekiranya Perjanjian Penyelesaian diluluskan.

**SEKSYEN 2: TANDATANGAN**

**SILA BACA PELEPASAN, KEBENARAN UNTUK PENDEDAHAN DAN PERAKUAN, DAN TANDATANGAN DI BAWAH.**

Saya (kami) mengakui bahawa, pada Tarikh Kuat Kuasa Penyelesaian, menurut terma-terma yang dinyatakan di dalam Perjanjian Penyelesaian, dan mengikut undang-undang dan Penghakiman Akhir serta Arahan Pengguguran, saya (kami) akan dianggap untuk mengecualikan, melepaskan, mengeluarkan, dan membebaskan semua Tuntutan yang Dilepaskan sepenuhnya, muktamad dan selamanya (sebagaimana yang ditakrifkan dalam Perjanjian Penyelesaian) dan akan selama-lamanya dilarang daripada mendakwa mana-mana atau semua Tuntutan Kelas yang Dilepaskan terhadap Pihak BNP yang Dilepaskan, Pihak ICAP yang Dilepaskan, Pihak Morgan Stanley yang Dilepaskan, Pihak Nomura yang Dilepaskan dan Pihak Wells Fargo yang Dilepaskan (sebagaimana yang ditakrifkan dalam Perjanjian Penyelesaian dan/atau Penghakiman Akhir dan Arahan Pengguguran).

Dengan menandatangani dan menyerahkan Borang Tuntutan ini, (i) saya (kami) bersetuju dengan pendedahan maklumat yang berkaitan dengan perdagangan saya (kami) dalam Instrumen ISDAfix bermula dari 1 Januari 2006 hingga 31 Januari 2014 untuk digunakan dalam proses pentadbiran tuntutan; dan (ii) saya (kami) mengetepikan sebarang perlindungan yang diberikan oleh kerahsiaan bank, undang-undang privasi data, atau sebarang perlindungan kerahsiaan serupa yang bersesuaian berkenaan maklumat perdagangan saya (kami) dalam Instrumen ISDAfix bermula dari 1 Januari 2006 hingga 31 Januari 2014 untuk digunakan dalam proses pentadbiran tuntutan.

**DI BAWAH PENALTI SUMPAH BOHONG DI BAWAH UNDANG-UNDANG AMERIKA SYARIKAT, SAYA (KAMI) MENGESAHKAN BAHAWA SEMUA MAKLUMAT YANG DISEDIAKAN OLEH SAYA (KAMI) PADA BORANG TUNTUTAN INI ADALAH BENAR, TEPAT, DAN LENGKAP DAN DATA YANG TELAH DISERAHKAN BERKAITAN DENGAN BORANG TUNTUTAN INI ADALAH SALINAN YANG BENAR DAN TEPAT MENGIKUT TUJUANNYA.**

Tandatangan Penuntut (jika Pemilik Benefisial adalah individu yang mengisi borang bagi pihaknya sendiri)

Tarikh   -   -    
BB HH TT

Nama Penuntut Dalam Huruf Besar (jika Pemilik Benefisial adalah individu yang mengisi borang bagi pihaknya sendiri)

Tandatangan Wakil Yang Dibenarkan yang Melengkapkan Borang Tuntutan (jika ada)

Tarikh   -   -    
BB HH TT

Nama Wakil Yang Dibenarkan yang Melengkapkan Borang Tuntutan Dalam Huruf Besar (jika ada)

Kapasiti Wakil Yang Dibenarkan (jika selain daripada individu [cth., pemegang amanah, wasi, pentadbir, penjaga, atau penama lain])

**PERINGATAN: BORANG TUNTUTAN ANDA DAN DATA YANG DIPERLUKAN HENDAKLAH DISERAHKAN SECARA DALAM TALIAN SEBELUM JAM 11:59 MALAM WAKTU TIMUR PADA 23 DISEMBER 2018.**

Untuk maklumat lanjut, hubungi Pentadbir Tuntutan di talian 1-844-789-6862 (A.S.),  
atau +1-503-597-5526 (Antarabangsa), atau layari [www.ISDAfixAntitrustSettlement.com](http://www.ISDAfixAntitrustSettlement.com)